

20 OCT 1996

Ghani-Rumah

JOHOR TIDAK BERCADANG NAIKKAN HARGA RUMAH KOS RENDAH, KATA MB

JOHOR BAHRU, 20 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri Johor tidak bercadang menaikkan harga rumah kos rendah sebanyak RM25,000 yang ada sekarang dan akan mengambil langkah tertentu untuk mengekalkan harga itu.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman hari ini berkata antara langkah yang diambil ialah memindahkan lokasi perumahan di kawasan bandar ke kawasan yang lebih sesuai serta memastikan pemaaju melaksanakan projek perumahan campuran.

Beliau berkata dengan cara itu harga rumah rakyat kos rendah dapat dikekalkan serendah mungkin dan ia membantu golongan rakyat termiskin di negeri ini memiliki rumah sendiri.

"Kawasan di mana harga tanahnya mahal terutama di kawasan bandar boleh digunakan untuk projek lain termasuk pembinaan bangunan perniagaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis "Chef's Table" sempena Malam Simfoni Juita di Hotel Holiday Inn Crowne Plaza di sini.

Beliau berkata pengekalan harga rumah ke tahap yang minimum adalah penting kerana rumah merupakan keperluan rakyat.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penetapan harga rumah mengikut lokasi lebih logik dan realistik berikutan harga tanah semakin tinggi dan berbeza-beza mengikut lokasi iaitu di kawasan bandar atau luar bandar.

Pada majlis itu, Abdul Ghani yang bertindak sebagai tukang masak berjaya mengumpulkan sumbangan sebanyak RM460,000 untuk membina sebuah bangunan perlindungan kanak-kanak yang didera.

Projek yang dianjurkan oleh Juita itu memerlukan perbelanjaan sebanyak RM700,000.

Terdahulu, semasa merasmikan Hari Terbuka dan Pestaria Hospital Permai Tampoi, Abdul Ghani berkata stigma menganggap golongan pesakit mental sebagai golongan agresif dan mendatangkan ancaman harus dihindarkan.

Beliau berkata di dalam menangani masalah ini, keluarga dan masyarakat harus memainkan peranan penting untuk membimbing dan menerima mereka kembali ke dalam masyarakat.

"Kebanyakan mereka mampu dipulihkan melalui rawatan dan seharusnya diterima untuk bergaul dengan orang ramai," katanya dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Puan Halimah Sadique. -- BERNAMA

MH AKD